

13 DEC 1998

Kempen-Sokong

RAKYAT TERUS LAHIRKAN SOKONGAN KEPADA KEPIMPINAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Sejumlah 70,000 tandatangan termasuk dari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diperolehi setakat ini melalui Kempen Sokongan Rakyat Malaysia Yang Patriotik anjuran Pemuda Barisan Nasional.

"Apakah kita rela serah tanggungjawab ini kepada penjajah sekali lagi" merupakan mesej bertulis tangan oleh Dr Mahathir.

Mesej Dr Mahathir yang ditandatangani beserta nombor kad pengenalnya 2232519 adalah sebahagian daripada 70,000 tandatangan rakyat yang dipamerkan di Pusat Dagangan Dunia Putra bersempena Perhimpunan Agung Khas Umno di sini hari ini.

"Berdasarkan maklumat balas yang menggalakkan, kita akan teruskan kempen ini dan rakyat boleh mengemukakan tandatangan mereka bersama mesej sokongan kepada kepimpinan negara dan menentang campur tangan asing," kata Setiausaha Agung Pemuda BN Zulkifli Alwi kepada Bernama.

Antara pemimpin negara yang turut menandatangani dalam kempen itu ialah Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut menandatangani dalam kempen itu.

Zulkifli berkata kesemua tandatangan dan mesej sokongan kepada kepimpinan negara melalui kempen itu akan diserahkan kepada Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat yang sebelum ini telah melancarkan kempen Cetusan Rasa untuk diserahkan kepada Perdana Menteri.

"Kita akan menyerahkan kesemua tanda sokongan ini kepada Perdana Menteri selepas Hari Raya Puasa nanti dan bagi rakyat yang ingin menyatakan sokongan itu bolehlah terus melakukannya," kata Zulkifli.

Zulkifli berkata talian hotline 03-4441199 yang dikendalikan oleh sekretariat BN yang ditubuhkan baru-baru ini berikutan kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore juga akan dikekalkan.

"Talian itu yang dilancarkan untuk menerima pendapat daripada rakyat berhubung kenyataan Al Gore semasa persidangan Apec akan terus dibuka bagi membolehkan rakyat menyatakan sokongan kepada kepimpinan negara," katanya.

Bagaimanapun, talian itu yang sebelum ini dibuka 24 jam kini akan hanya beroperasi mengikut waktu pejabat.

-- BERNAMA

MS AKD